

rancangan pengajian jarak jauh atau luar kampus, pelajar diploma, pelajar bukan siswazah dan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus sepenuh masa atau sambilan di Universiti;

“Universiti” ertinya Universiti Malaysia Sabah.

## **BAHAGIAN II — Kuasa dan Perlantikan**

- 2.1 Naib Canselor hendaklah mempunyai pengawasan dan arahan am bagi segala perkara berhubung dengan penguatkuasaan peraturan ini.
- 2.2 Naib Canselor hendaklah melantik secara bertulis mana-mana kakitangan sebagai penguatkuasa lalu lintas.
- 2.3 Penguatkuasa lalu lintas mempunyai kuasa yang berikut:
  - (a) melarang, menghalang dan menahan mana-mana kenderaan bermotor yang tidak memenuhi peraturan 3.1 daripada memasuki kawasan kampus;
  - (b) menahan mana-mana kenderaan daripada memasuki kawasan kampus seperti yang diarahkan oleh Naib Canselor;
  - (c) menahan mana-mana kenderaan yang memasuki kampus yang melanggar mana-mana peruntukan di dalam Peraturan ini;
  - (d) mengenakan denda kesalahan lalulintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan di bawah mana-mana peruntukan di dalam Peraturan ini;
  - (e) mengunci roda kenderaan (*clamp*) mengikut peraturan 6.5;
  - (f) mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan oleh Naib Canselor bagi menguatkuasa Peraturan ini dari semasa ke semasa.
- 2.4 Naib Canselor boleh mewakilkan apa-apa kuasanya di bawah peraturan ini kepada mana-mana kakitangan.